

**“Mereka adalah pemimpin masa depan dan sekiranya ilmu cintakan alam sekitar dapat diterapkan, kemusnahan alam sekitar dapat dihindarkan”**

**Mohd Fauzi Ramlan**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal Ehwal Pelajar  
dan Alumni  
UPM



**Prof Dr Fauzi diberi penerangan mengenai kempen kitar semula ketika melawat gerai pameran di Ekspo Belia Alam Sekitar UPM-MNS 2012 di Serdang, baru-baru ini.**

[FOTO AZRINA AZHAN/NSTP]



**Prof Dr Fauzi (empat dari kiri) bersama pegawai dan pelajar UPM yang menyertai Ekspo Belia Alam Sekitar UPM-MNS 2012.**

# Alam sekitar tanggungjawab generasi muda

» Pastikan usaha pemeliharaan, pemuliharaan berjalan berterusan

**Oleh Azrina Azhan**  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

## ► Serdang

G enerasi muda perlu dipupuk dengan semangat cintakan alam sekitar bermula pada peringkat sekolah bagi memastikan usaha pemuliharaan alam sekitar sentiasa berterusan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata usaha itu perlu dititikberatkan kerana remaja pada masa kini perlu menggalas tanggungjawab ini supaya pemeliharaan warisan alam sekitar dapat dikekalkan.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Ekspo Belia Alam Sekitar 2012 anjuran bersama UPM dan Persatuan Alam Sekitar Malaysia (MNS) di Dewan Besar UPM, di sini.

Turut hadir, Presiden Persatuan Alam Sekitar Malaysia (MNS), Profesor Maketab Mohamed; Penasihat Penganguran Eksopo, Profesor Dr Ahmad Ismail; Pengarah Eksekutif MNS, Shah Reza Hussein dan aktivis alam sekitar, Dr Hashim Wahab.

Eksopo sehari itu dihadiri kira-kira 1,000 ahli Kelab Pencinta Alam dan pelajar institusi pengajian tinggi sekitar Lembah Klang.

Prof Mohd Fauzi berkata, UPM sedia bekerjasama dengan pihak luar seperti syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Kelab Pencinta Alam bagi meneruskan pendidikan alam sekitar.

“Kami sentiasa terbuka menerima sokongan pihak luar lebih-lebih lagi bagi melahirkan pemimpin muda yang dapat menjaga pemeliharaan alam sekitar.

## Antara 10 universiti terbaik

“Malah, kami sudah menerima pengiktirafan tertinggi sebagai antara 10 universiti terbaik dunia dalam indeks hijau universiti dunia,” katanya.

Beliau berkata, UPM juga sudah melaksanakan langkah terbaik bagi menjaga alam sekitar di kawasan universiti, antaranya mengurangkan laluan bermotor bagi menggalakkan mahasiswa berjalan kaki dan berbasikal, mengurangkan penggunaan bungkusan makanan polisterin serta memilih wakil Majlis Perwakilan Pelajar yang mempunyai latar belakang alam sekitar.